

CNS0468

U GB 27-04 00172 BA767

bah

Mahathir - UMNO

MAHATHIR MAHU ANGGOTA UMNO ELAKKAN PERPECAHAN

GENTING HIGHLANDS, 27 April (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kemungkinan berlaku perpecahan akibat pemilihan parti itu dapat dikurangkan sekiranya anggota UMNO bersatu-padu dan menerima susunan seperti yang ada sekarang.

"Kita tahu bahawa sebab UMNO berpecah dan diharamkan ialah kerana rebutan hendak jadi Presiden parti. Bila hendak berebut (jawatan), nanti adalah macam-macam cara (digunakan) seperti beli oranglah," katanya ketika ditanya pemberita selepas merasmikan Seminar Etika Perniagaan anjuran bersama Kelab Harvard dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Naib Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim, tiga hari lepas bahawa beliau (Anwar) tidak berhasrat mencabar Encik Ghafar Baba untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO pada pemilihan parti itu November ini.

Ketika ditanya sama ada Anwar patut bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden sekiranya mendapat pencalonan yang banyak, Dr Mahathir berkata, itu terpulang kepada Anwar tetapi pencalonan tidak bermakna seseorang itu perlu bertanding. -- Lagi.

♥27/04/13-27MST

CNS0472 .

U GB 27-04 00152 BA768

bah

Mahathir - UMNO 2 Genting Highlands

Katanya, soal pencalonan adalah hak perwakilan tetapi keputusan sama ada untuk bertanding atau tidak adalah hak orang yang dicalonkan.

"Saya dahulu pun dapat banyak pencalonan tetapi undi sikit," katanya.

Mengenai terlalu ramai yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan Naib Presiden, Dr Mahathir berkata, itu merupakan keadaan biasa sebelum pemilihan tetapi beliau yakin ada yang akan menarik diri pada saat-saat akhir apabila mereka sedar yang mereka tidak menerima banyak sokongan.

Ketika ditanya pula sama ada ia satu perkembangan yang sihat apabila terlalu ramai Ketua Menteri dan Menteri Besar menawarkan diri untuk bertanding jawatan Naib Presiden, beliau berkata, UMNO mengamalkan sistem demokrasi.

Mereka (Ketua Menteri dan Menteri Besar) mempunyai hak untuk bertanding, hak untuk menentukan sama ada pertandingan itu akan membawa kemenangan atau tidak dan juga hak untuk mempertimbangkan kesan daripada pertandingan, katanya. -- Lagi.

▼27/04/13-29MST

CNS0483

R GB 27-04 00141 BA771

bah

Mahathir - UMNO 3 Genting Highlands

Dr Mahathir juga diminta mengulas memorandum yang dihantar Pergerakan Pemuda Semangat 46 kepadanya semalam yang menggesa dihentikan segera tindakan mengkritik Raja-raja Melayu.

Katanya, kerajaan terpaksa menjelaskan kepada rakyat terlebih dahulu berhubung perbuatan jenayah yang dilakukan oleh raja-raja sebelum menggubal undang-undang bagi menghadkan imuniti mereka.

"Kalau rakyat tidak tahu apa sebabnya (kerajaan menggubal sesuatu undang-undang), rakyat akan berpendapat bahawa kerajaan membuat undang-undang tanpa sebarang sebab," katanya.

Katanya, Pemuda Semangat 46 menyatakan mereka tidak menyokong jenayah yang dilakukan oleh raja-raja tetapi pada masa yang sama, semasa pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi menghadkan imuniti raja-raja dibentangkan di Dewan Rakyat, parti itu tidak menyokongnya.

Oleh itu, katanya, tindakan parti itu tidak menyokong undang-undang menghadkan imuniti raja-raja bermakna mereka menyokong perbuatan jenayah yang dilakukan oleh raja. -- Lagi.

▼27/04/13-45MST

CNS0484

R GB 27-04 00101 BA772

bah

Mahathir - UMNO 4 (Akhir) Genting Highlands

Perdana Menteri berkata, Semangat 46 juga tidak menyokong undang-undang menghadkan imuniti raja-raja kerana parti itu dipimpin oleh keluarga diraja yang cuba mempertabankan kelompoknya sahaja.

Melalui memorandum itu, katanya, Pemuda Semangat 46 juga meminta supaya kesahihan kedudukan Sultan tidak dipersoalkan.

Dr Mahathir berkata, kesahihan Sultan Kelantan sebagai raja negeri itu tidak akan dipersoalkan sekiranya Sultan Kelantan sendiri tidak mempersoalkan kesahihan undang-undang yang digubal oleh Parlimen.

"Kata orang kalau duduk dalam rumah kaca, jangan baling batu," katanya.

-- Bernama.

AH KGO AHH NM.